

08/06/2000

Sebab Ling tarik balik peletakan jawatan

Jamhariah Jaafar; Teh Kian Kiat

RATA-rata semua pihak terutama masyarakat Cina gembira kerana isu peletakan jawatan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dalam Kabinet akhirnya terlerai dengan baik. Apa yang masih menjadi misteri ialah sebab sebenar pemimpin bersuara lembut itu membuat keputusan sehingga 'menghuru-harakan' parti itu.

Beberapa pemimpin MCA yang ditemui walaupun ada bernada sinis ketika mengulas mengenai keputusan Dr Ling menarik balik peletakan jawatannya, masing-masing menarik nafas lega kerana sekurang-kurangnya satu daripada episod yang agak mengaibkan, sudah selesai.

Tetapi kenyataan rasmi enam perenggan yang dibaca Dr Ling semalam tidak menjawab sebarang persoalan yang timbul, sebaliknya menjadikan beliau lebih popular manakala beberapa pemimpin lain kelihatan seperti 'budak nakal'.

Seorang daripada pemerhati MCA berkata, mereka masih mencari-cari jawapan kepada punca sebenar yang mendorong Dr Ling membuat keputusan drastik dan mengejutkan semua pihak termasuk lawannya itu.

Katanya, dalam pertemuan pemimpin tertinggi MCA dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang cuba memujuk Dr Ling terus kekal dalam jawatannya, mereka ada bertanya alasan yang diberi Presiden MCA itu dan Perdana Menteri dipetik sebagai menjawab ia adalah disebabkan masalah membabitkan perniagaan anaknya.

Tetapi, katanya, Dr Ling memberi alasan bertentangan kepada umum apabila berkata beliau meletak jawatan bagi memberi laluan kepada pemimpin MCA untuk menjawat jawatan menteri.

Persoalannya, kata pemerhati berkenaan, keputusan mengenai kuota menteri MCA dalam Kabinet sudah jelas bahawa parti itu tidak akan diberi jawatan menteri tambahan kerana ia boleh menggugat semangat kerjasama Barisan Nasional (BN).

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, ketika ditemui kelmarin turut berkali-kali menegaskan bahawa beliau dan penyokongnya tidak pernah mendesak Dr Ling supaya meminta jawatan menteri tambahan dari Perdana Menteri.

"Saya ingin menegaskan kami tidak pernah meminta kerusi tambahan dalam Kabinet, dalam jawatan kerajaan, ya! Tetapi jawatan tambahan menteri tidak pernah," tegasnya dan menjelaskan definasi jawatan dalam kerajaan bermakna jawatan sebagai timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

Justeru, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, yang dikatakan menjadi antara punca perbalahan puak Dr Ling dan puak Ah Lek, turut menarik nafas lega tetapi tersenyum sinis apabila diusik kerana 'terlepas peluang' menjadi menteri.

Bagaimanapun menurut sumber, Dr Ling dikatakan tidak menyangka keputusan awalnya boleh menyebabkan Kong Choy menjadi serba salah dan itu adalah antara sebab beliau perlu mengubah pendirian bagi memastikan sebarang khabar angin seumpama dimatikan.

Antara sebab lain dikatakan menjadi alasan Dr Ling menarik balik peletakan jawatannya itu ialah demi perpaduan dan masa depan MCA, kerana sekiranya beliau pergi begitu saja, MCA mungkin huru hara dan sekali gus akan menjejaskan perjalanan dan kestabilan parti itu.

Beberapa akhbar Cina pula memberi alasan Dr Ling dikatakan bimbang sekiranya jawatan Menteri Pengangkutan tidak lagi diberi kepada MCA, beliau akan menjadi 'orang berdosa' dalam sejarah parti itu.

Menurut mereka, presiden parti yang tiada jawatan Kabinet akan menyebabkan parti itu `kekak' dan tidak berupaya menyampaikan pandangan parti dan masyarakat Cina.

Justeru, ketika ini mungkin hanya Dr Ling yang mengetahui alasan sebenar beliau mengambil keputusan mengejut pada 22 Mei lalu dan apakah pula faktor yang mendorong beliau mengubah semula pendirian itu.

Bagaimanapun apa yang menarik ialah timbul satu lagi spekulasi di kalangan ahli MCA, apabila Dr Ling dikatakan akan hanya berada dalam Kabinet untuk tempoh dua tahun lagi dan kemungkinan menarik diri sepenuhnya selepas pemilihan parti MCA pada 2002 nanti.

Dr Ling dikatakan mungkin tidak bertanding pada pemilihan itu bagi memberi laluan kepada pemimpin muda. Jika laporan itu benar dan dengan kedudukan Ah Lek yang kini tidak lagi berada dalam Kabinet, tumpuan mungkin menjurus kepada pemimpin pelapis yang semakin ditonjolkan oleh penyokong masing-masing.

Bagaimanapun dalam persaingan antara Kong Choy yang dikatakan menerima sokongan Ah Lek dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Ka Ting, yang disenaraikan sebagai orang Dr Ling, mungkin yang mengaut keuntungan nanti ialah Datuk Chua Jui Meng, Menteri Kesihatan yang memangku jawatan Menteri Pengangkutan ketika ketiadaan Dr Ling sejak 10 hari lalu.

(END)